

**TEKS UCAPAN**  
**DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A.KASIM**  
**KETUA PENGARAH**  
**JABATAN MUZIUM MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA, SEMPENA**  
**MAJLIS PELANCARAN**  
**SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA**  
**PERINGKAT KEBANGSAAN**  
**PADA 18 MEI 2021 (SELASA)**

Bismillahirahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kita bersiaran di atas talian pada hari ini. Apa khabar semua warga muzium? Diharapkan semua warga muzium di dalam keadaan yang baik. Seperti kita sedia maklum, penularan wabak COVID-19 masih melanda negara dan seluruh dunia telah mengubah amalan hidup kita daripada norma lama kepada norma baharu. Ayuh kita bersama-sama menjalankan tanggungjawab sosial dan kawalan kendiri untuk memerangi penularan wabak COVID -19 sehingga ke tahap yang terkawal. Sempena bulan Syawal di sini saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan

selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat islam di Malaysia.

Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

2. Hari ini tanggal 18 Mei merupakan hari yang telah diresolusikan, pada 45 tahun yang lalu di persidangan Majlis Muzium Antarabangsa ke-12 sebagai Hari Muzium Antarabangsa untuk menghargai usaha dan dedikasi komuniti muzium di dalam pembangunan masyarakat bagi memastikan muzium terus berkembang dan relevan sepanjang zaman. Perayaan ini disambut diseluruh dunia oleh komuniti muzium dengan pelbagai program dan aktiviti yang menarik untuk warga kerja muzium dan pengunjung. Menurut International Council of Museum (ICOM), pada tahun lalu walaupun ketika COVID-19 melanda, Sambutan Hari Muzium telah disertai 37,000 muzium dari 158 negara dan pada 18 Mei 2020 sahaja seramai 83 juta pengguna media sosial telah menyertai pelbagai aktiviti yang dilangsungkan di seluruh dunia. Peningkatan penyertaan yang menggalakkan saban tahun menunjukkan betapa penting muzium sebagai pusat perkongsian dan percambahan ilmu yang menjadi pemangkin pembangunan masyarakat. Sejajar dengan senario pada hari ini tepat menggambarkan "**Museums have no borders, they have a network**" sambutan pada tahun ini berkonsepkan secara talian @ virtual sebagai satu alternatif dan usaha bagi menekang penularan wabak COVID – 19 khususnya di kalangan warga muzium di Malaysia.

3. Ini selari dengan tema yang dipilih untuk sambutan Hari Muzium Antarabangsa pada tahun ini iaitu “*The Future Of Museums: Recover And Reimagines*” (Masa Hadapan Muzium: Pemulihan Dan Pencitraan). Tema ini dipilih apabila krisis Covid-19 melanda dunia secara tiba-tiba dan telah mempengaruhi setiap aspek kehidupan manusia. Industri pelancongan Malaysia berdepan cabaran terhebat sejak pandemik ini melanda pada tahun 2020 dan 2021, dan institusi muzium juga tidak terkecuali. Kajian yang dijalankan oleh ICOM dan beberapa organisasi antarabangsa mendapati situasi tenat melanda muzium-muzium dan tenaga profesional mereka dengan kesan ekonomi, sosial dan psikologi yang serius untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Namun begitu, terselindung hikmah di sebalik krisis ini, di mana ia menjadi pemangkin kepada inovasi yang penting, seperti meningkatkan fokus kepada dunia pendigitalan dan mencipta kaedah baru untuk penyampaian sejarah dan budaya dalam dunia permuziuman.

Situasi yang melanda kini tidak seharusnya mematahkan semangat penggiat muzium malah ia menjadi titik permulaan untuk mencorak dan mencipta pendekatan baharu di dalam menyampaikan ilmu. Sehubungan dengan itu, suka untuk saya menyarankan muzium-muzium menggunakan kemudahan teknologi yang tersedia dengan mempelbagaikan dan memperkaya program-program dan aktiviti atas talian agar sentiasa kekal berhubung dengan masyarakat umum dan kekal relevan sebagai medan perkongsian ilmu. Justeru, sempena Sambutan Hari Muzium pada tahun ini pelbagai program di atas talian telah dirangka untuk menyatukan semua warga kerja muzium dan masyarakat umum di Malaysia. Semua program ini akan dilaksanakan bermula pada tarikh 12 sehingga 16 Julai 2021. Maklumat mengenai program dan aktiviti yang

dijalankan sepanjang Sambutan Hari Muzium 2021 berlangsung boleh diperolehi di akaun Facebook Rasmi Jabatan Muzium Malaysia dan juga laman web rasmi Jabatan Muzium Malaysia. Antara program dan aktiviti yang menarik untuk disertai seluruh warga muzium dan orang awam adalah:

1. Pertandingan E-sukan
2. Pameran Maya & E-Quiz
3. Pertandingan Kebudayaan & Nyanyian
4. Pertandingan Pantun Online
5. Webinar
6. Selawat dan banyak lagi

Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati,

4. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Urusetia dan semua jawatankuasa Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 di atas segala persiapan dan perancangan yang telah dilakukan. Diharapkan keadaan akan kembali pulih seperti sediakala agar dapat kita meraikan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa secara fizikal pada tahun hadapan.

Akhir kata, “Salam Aidilfitri dan Selamat menyambut Hari Muzium Antarabangsa 2021”.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamuálaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.